



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA  
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR  
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | [www.kraftangan.gov.my](http://www.kraftangan.gov.my) |   KRAFTANGAN MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS JALINAN MEDIA DAN APRESIASI STRATEGIK

**KUALA LUMPUR, 15 OKTOBER 2025-** Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengadakan Majlis Jalinan Media dan Apresiasi Strategik yang dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Hadir sama, Yang Berusaha Encik Mohd Al-Hafizi bin Haji Ab. Bakar, Pengerusi Kraftangan Malaysia dan Yang Berbahagia Datuk `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia.

Majlis ini diadakan bagi meraikan dan menghargai sokongan serta kerjasama berterusan daripada pihak media dalam membantu membuat hebahan dan liputan berkaitan industri kraf Malaysia.

Bersempena majlis ini, sesi penyampaian hadiah turut diadakan bagi CIPTA Pertandingan Pereka Kraf Muda Barang Kemas yang berlangsung pada 4 dan 5 Februari 2025 lalu. Pertandingan ini merupakan inisiatif melestarikan kreativiti dan kemahiran belia dalam seni pertukangan logam halus. Selain menjadi landasan perkongsian kepakaran, kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar dan usahawan kraf, pertandingan ini merupakan satu pengiktirafan kepada rekaan dan penghasilan produk yang mempunyai nilai estetika serta komersial yang dapat menaikkan nama pereka tempatan ke peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Pertandingan ini dimenangi oleh Encik Lu Yu Cheng dari Raffles College of Higher Education, Kuala Lumpur yang menerima hadiah RM3,000, trofi dan sijil. Encik Abdul Rahman bin Abd Majid dari Institut Kraf Negara (IKN) meraih tempat kedua dengan hadiah RM2,000, trofi dan sijil manakala Encik Muhammad Shafiq bin Mahadi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam memenangi tempat ketiga dengan hadiah RM1,000, trofi dan sijil.

Penyampaian Sijil Penghargaan Rakan Strategik turut diadakan bagi mengiktiraf 16 jabatan, agensi dan hotel yang telah memberikan sokongan serta kerjasama erat bersama Kompleks Kraf. **-TAMAT-**